

DATE: 27/10/2007

# Kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bukti Malaysia diiktiraf dunia

SEPANG 26 Okt. - Kejayaan Malaysia menduduki Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) merupakan satu pengiktirafan dunia terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan oleh negara ini sejak merdeka terutama dalam bidang pendidikan.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) yang mewakili negara berkata, pihak tertentu yang mempunyai kepentingan tidak boleh lagi memperlekehkan kesungguhan kerajaan memajukan sistem pendidikan kerana badan dunia itu sendiri memberikan penghormatan kepada kejayaan negara ini.

"Sekurang-kurangnya kita boleh yakinkan orang kita sendiri bahawa sistem pendidikan kita yang diberikan keutamaan sejak merdeka merupakan suatu yang tidak boleh diperlekehkan.

"Kalau dunia sendiri memberikan pengiktirafan sedemikian rupa, kalau nak banding negara lain, siapalah mereka yang bertindak atas kepentingan pihak tertentu untuk menidakkan apa yang telah kita jayakan selama ini," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita sejurus tiba di tanah air setelah menghadiri Persidangan Agung UNESCO ke-34 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, hari ini.

Malaysia terpilih menduduki kerusi Lembaga Eksekutif



UNESCO bagi penggal 2008-2011 dengan undi tertinggi dalam kumpulan Asia Pasifik setelah memperoleh 147 undi pada persidangan agung ke-34 pertubuhan itu di Paris, Rabu lalu.

Ini adalah kali kedua negara memegang posisi tersebut sebagai mewakili rantau Asia Pasifik selepas 1999.

Menurut Hishammuddin, peluang menduduki kerusi tersebut membolehkan negara menengahkan agenda yang mempunyai hubung kait dengan peranan UNESCO seperti keamanan, perbincangan mengenai pertembungan antara tamadun, Islam dan agama-agama lain serta masalah jurang pendidikan antara golongan kaya dan miskin.

"Ini kerana puluhan juta (kanak-kanak) tidak ada peluang ke sekolah tetapi agenda kita,

Perdana Menteri dalam bajet baru-baru ini menghapuskan yuran sekolah dan peperiksaan manakala pinjaman buku teks diperluaskan sehingga pendidikan di Malaysia dianggap percuma.

"Ini bukan perkara biasa di negara lain dan ia boleh menjadi contoh dan saya rasa apa yang kita lakukan boleh dikongsi bersama UNESCO dan saya bersungguh-sungguh meminta mereka mengkaji dari segi fakta dan bandingkan kedudukan kita dengan negara lain," jelas beliau.

## Persefahaman

Mengenai perancangan terdekat selepas dipilih menduduki kerusi tersebut, Hishammuddin berkata, UNESCO telah bersetuju untuk berinteraksi secara lebih erat dengan badan-badan serantau.

Kata beliau, satu perjanjian persefahaman akan ditandatangani antara UNESCO dengan ASEAN pada mesyuarat menteri-menteri pendidikan ASEAN di Kuala Lumpur pada Mac tahun depan sekali gus membolehkan sebarang pendekatan baru dalam badan dunia itu diterjemahkan di rantau ini.

Beliau berkata, pihaknya merasa lega kerana sistem pendidikan negara ini berada pada landasan yang baik kerana apa yang dibincangkan dalam sesi meja bulat di UNESCO merupakan perkara yang telah diambil kira

dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Mereka melihat kepada Malaysia berkaitan banyak isu seperti tamadun, globalisasi, dunia tanpa sempadan, penghijrahan guru, pelarian dan jurang digital antara mereka yang berada di bandar dan kawasan pedalaman.

"Semua isu tersebut telah diambil kira dalam PIPP dan dengan menduduki kerusi dalam UNESCO, saya rasa kita tidaklah terlalu memikul tanggungjawab yang berat kerana kita telah meletakkan polisinya.

"Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah menterjemahkannya bagi dilihat di peringkat badan dunia itu," jelasnya.

Hishammuddin berkata, beliau perlu menghadiri dua mesyuarat iaitu persidangan agung setiap tahun dan satu lagi mesyuarat pada April tahun depan.

Katanya, perkumpulan ASEAN sangat kuat dengan Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia ke UNESCO serta Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) beroperasi dengan baik tetapi perlu diperkukuhkan kerana ia melibatkan enam atau tujuh lagi kementerian.

"Namun, apa yang penting ialah kita jemput UNESCO datang sendiri melihat apa yang berlaku di ASEAN dan Malaysia serta tidak hanya bergantung kepada perangkaan, laporan dan rekod," katanya.

Urn - 27/10/2007